

Awani Rangers

8 Februari 2018

[http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-sultan-ibrahim-uthm-bergegar-dengan-amanat-naib-canselor-167712?\\_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-sultan-ibrahim-uthm-bergegar-dengan-amanat-naib-canselor-167712?_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574)

**DEWAN SULTAN IBRAHIM UTHM BERGEGAR DENGAN AMANAT NAIB CANCELOR**

Awani Rangers UTHM, AstroAwani | Diterbitkan pada Februari 08, 2018 19:14 MYT

Facebook Twitter Email Google whatsapp icon

Dewan Sultan Ibrahim UTHM berpegardenganamanatNaibCanselor



Majlis Amanat NC membawate tema 'UTHM 2018 ; Transformasi Insandan Ilmu' - Foto AWANI Rangers UTHM

BATU PAHAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) minggu lalu 'bergegar' dengan Majlis Amanat Naib Canselor oleh Prof. Dr. Wahid Razzaly yang penuh dengan kehadiran staf dan mahasiswa tempatan mahupun luar negara.

Majlis yang disampaikan oleh Prof. Wahid secara santai, menarik minat lebih 3,000 kehadiran dengan gimik kolaborasi bersama penyarah dan juruterbang UTHM yang memuka penonton.

Intipati majlis amanat ini adalah bagi memastikan Pelan Transformasi UTHM bersifat lebih holistik menggunakan tema 'KAMI' (K untuk rendah karbon, A untuk kampus amal, M untuk menepati masa, I untuk budayailmu).

"Sebagai sebuah universiti teknikal, kita mesti jelas dan memahami falsafah universiti ini. Usaha melakukan transformasi profesionalisme mesti di perkemaskan oleh semua staf dan jugalah mahasiswa," katanya.

Demikian antara amanat Naib Canselor, Profesor Dr. Wahid Razzaly yang dikongsikan ketika berlangsungnya Majlis Amanat Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tahun 2018 di dua lokasi berbeza melibatkannya kampus induk dan kampus cawangan Pagoh padahari yang sama.

"Budaya menepati masa perlu diperkukuhkan di semua peringkat dan kita perlum mengubah cara kita berfikir untuk mencapai kecemerlangan di samping saling menghormati antara sesama lain," katanya lagi.

Majlis Amanat yang membawakan tema 'UTHM 2018 ; Transformasi Insan dan Ilmu' ini diadakan bertujuan mewujudkan hubungan komunikasi dua hala secara temuan mata antara Naib Canselor dan warga kerja universiti selain sebagai platform untuk menyampaikan hasrat serta perancangan universiti bagitahun semasa untuk dikongsikan kepada warganya.

Turut diadakan ketika majlis berlangsung, pelancaran Inisiatif Kampus Pintar UTHM melibatkan empat hasil inovasi iaitu aplikasi telefon pintar MYUTHM yang mana staf boleh mengakses data dengan lebih mudah, aplikasi MYSP@CE yang bakal membantustaf dalam pengurusan projek, Sistem Sasar yang mengaplikasikan teknologi QR Code dalam proses rekod kehadiran kuliah dan pembangunan MOOC (smart classroom).

Menurut Prof. Wahid juga, beliau percaya bahawa dalam tempoh lima tahun, setiap alumni UTHM akan menjadi profesional sejajar dengan matlamat UTHM Produces Professionals.

---

\*Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Norman Khalis dan Anbia Adam dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) suntingan Suriyati Baharom

\*\*Awani Rangers

ialah inisiatif Astro Awani bagi menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkannya sebagai bahan berita dan informasi dalam era ke wartawan moden.

\*\*\*Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro Awani dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).